



**POLITEKNIK HULU TERENGGANU**  
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**  
Bangunan Kedai 3 Tingkat  
Majlis Daerah Hulu Terengganu  
21700 Kuala Berang  
TERENGGANU, MALAYSIA



Tel : 09-682 5555 Faks : 09-682 5556  
Laman Web : [www.pht.edu.my](http://www.pht.edu.my)  
Facebook : [www.facebook.com/PoliHuluTrg](https://www.facebook.com/PoliHuluTrg)

## PELAJAR-PELAJAR BAHARU

Politeknik Hulu Terengganu

Sdr/i

## PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SESI JUN 2018

Tahniah diucapkan kerana anda **BERJAYA** ditawarkan ke Politeknik Hulu Terengganu (PHT). Sehubungan dengan itu, anda dikehendaki mendaftar secara atas talian (online) sebagai pelajar PHT di laman web <http://spmp.pht.edu.my/uspmp2/logindaftarbaru.jsp> atau [myheppht.blogspot.my](http://myheppht.blogspot.my) selepas **SATU HARI (24 JAM)** membuat bayaran di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). Tarikh mendaftar secara atas talian untuk pelajar baharu bermula pada 30/05/2018 hingga 24/06/2018 @ pada hari lapor diri.

2. Pelajar baharu yang telah mendaftar secara atas talian dikehendaki untuk datang melapor diri ke Politeknik Hulu Terengganu (PHT) untuk mengesahkan pendaftaran dalam talian pada:

### Lapor Diri

Tarikh : 25/06/2018 (ISNIN)  
Masa : 8.30 pagi  
Tempat : Bilik Seminar PHT

3. Semua pelajar baharu **WAJIB** mencetak dan melengkapkan semua dokumen dan borang pendaftaran BHEP1-6 sebelum hari pendaftaran. Bakal pelajar perlu membawa dokumen berikut pada hari lapor diri:

- 3.1 Salinan Kad pengenalan
- 3.2 Salinan sijil SPM
- 3.3 Salinan sijil Ko-kurikulum
- 3.4 Salinan Surat Tawaran & BJT
- 3.5 Borang BHEP1-6 yang telah lengkap diisi
- 3.6 Slip bayaran yuran pengajian (RM 200)
- 3.7 Slip bayaran yuran Pendaftaran (RM 600.00)

3.8 Gambar berukuran passport (4 keping)

3.9 Salinan Slip Pengesahan Pendaftaran Secara Dalam Talian (Online) yang telah dicetak

4. Jika anda tidak mendaftar secara atas talian sebelum atau pada tarikh, masa dan tempat yang telah ditetapkan, PHT beranggapan bahawa **ANDA MENOLAK TAWARAN PENGAJIAN** ini. Segala perhatian dan kerjasama yang diberikan amat kami hargai.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah

*M. Yusof*

-----  
**(MAT YUSOF BIN YAACOB)**

b.p Pengarah  
Politeknik Hulu Terengganu  
Kementerian Pendidikan Tinggi